

### BAB 3 PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

#### BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

1. Maklumat berikut berkaitan dengan perlombongan bijih timah di negara kita.

Seawal abad ke-15, perlombongan bijih timah telah diusahakan di lembah-lembah sungai.

Siapakah yang mengusahakan perlombongan bijih timah seawall abad ke-15? (m/s 58)

- A. Orang Melayu
- B. Orang Cina
- C. Orang Aceh
- D. Orang India

2. Apakah kaedah tradisional yang digunakan untuk melombong bijih timah? (m/s 58)

- A. Kapal korek
- B. Melampun
- C. Lombong dedah
- D. Pam kelikir

3. Mengapakah menjelang akhir abad ke-18, pengeluaran bijih timah di Perak merosot? (m/s 59)

- A. Berlaku perang
- B. Berlaku perebutan takhta
- C. Berlaku aktiviti penyeludupan
- D. Berlaku rompakan

4. Maklumat berikut berkaitan Lembah Kinta.

Pada akhir abad ke-19, Lembah Kinta muncul sebagai pengeluar bijih timah dunia. Perkembangan ini menyebabkan kemunculan bandar.

Apakah bandar-bandar yang muncul daripada kemajuan perlombongan bijih timah di Lembah Kinta? (m/s 60)

- I Gopeng
- II Ipoh
- III Lukut
- IV Klian Pauh
- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

5. Negeri Pahang terkenal dengan hasil emas. Perlombongan emas dilakukan di Hulu Pahang. Kawasan yang terlibat ialah \_\_\_\_\_ (m/s 63)

- I Sungai Lumpur
- II Sungai Dua
- III Sungai Jelai
- IV Sungai Tembeling

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

6. Pelbagai strategi digunakan oleh British untuk meluaskan kuasa di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang **kecuali** (m/s 64)

- A. manipulasi
- B. desakan dan paksaan
- C. menandatangani perjanjian
- D. tipu helah

7. Maklumat berikut berkaitan Perang Klang (1876-1874).

Sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Samad (1857-1898), tercetus pertelingkahan dalam kalangan kerabat diraja Selangor menyebabkan berlakunya Perang Klang.

Siapakah yang terlibat dalam Perang Klang? (m/s 66)

- I Raja Abdullah bin Raja Jaafar
- II Raja Mahadi bin Raja Sulaiman
- III Raja Abdullah bin Sultan Ali
- IV Tunku Dhiauddin

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

8. Maklumat berikut berkaitan dengan Negeri Sembilan.

Perjanjian British – Negeri Sembilan (1895)

Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap pentadbiran di Negeri Sembilan? (m/s 71)

- A. Pentadbiran yang sistematik.
- B. Negeri Sembilan berpecah.
- C. British berjaya menguasai Negeri Sembilan.
- D. Orang Melayu kekal berkuasa.

9. Jadual berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh pentadbiran British.

Tokoh	Peristiwa
X	Dilantik sebagai Residen British yang pertama di Selangor

Siapakah tokoh X? (m/s 72)

- A. J.W.W Birch
- B. J.G. Davidson
- C. Martin Lister
- D. J.P.Roger

10. Maklumat berikut merujuk kepada pelaksanaan Sistem Residen.

- Kamu perlu membayar cukai tanah pertanian sebanyak 50 sen seekar.
- Kamu ditahan kerana meneroka tanah tanpa kebenaran tuan Residen

Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut? (m/s 73)

- A. Waspada terhadap anasir luar.
- B. Bertoleransi dalam bermasyarakat.
- C. Gigih dalam mempertahankan hak.
- D. Berbangga dengan kekayaan negara.

11. Negeri-negeri Melayu Bersekutu juga dikenali sebagai \_\_\_\_\_ (m/s 74)

- A. Persekutuan 1896
- B. Persekutuan 1986
- C. Persekutuan 1819
- D. Persekutuan 1866

12. Berikut merupakan faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu **kecuali** (m/s 75)

- A. menyeragamkan pentadbiran
- B. menjamin keselamatan negeri
- C. menangani masalah kewangan Johor
- D. mengatasi kelemahan sistem Residen

13. Yang manakah benar tentang ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Bersekutu? (m/s 74)

- A. Ipoh merupakan pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- B. Negeri-negeri Melayu Bersekutu dikenali sebagai Persekutuan 1896
- C. Raja-raja Melayu menerima semua nasihat Residen Jeneral dalam semua perkara
- D. Residen Jeneral menjadi ketua pentadbiran bagi kerajaan negeri

14. Negeri-negeri berikut digabung dan dibentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu **kecuali** (m/s 74)

- A. Johor
- B. Perak
- C. Selangor
- D. Pahang

15. Negeri manakah yang menghadapi masalah kewangan? (m/s 75)

- A. Selangor
- B. Negeri Sembilan
- C. Pahang
- D. Perak

16. Apakah peranan Majlis Mesyuarat Negeri yang dipengerusikan oleh Raja Melayu? (m/s 76)

- A. Membantu pentadbiran negeri
- B. Membantu pentadbiran negara
- C. Melaksanakan undang-undang baru
- D. Melaksanakan undang-undang Barat

17. Selepas pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Majlis Mesyuarat Negeri tidak berkuasa kerana kuasa perundangan terletak di tangan (m/s 76)

- A. Residen
- B. Pesuruhjaya Tinggi British
- C. Residen Jeneral
- D. Raja-raja Melayu

18. Mengapakah Durbar ditubuhkan? (ms 77)

- A. Memantapkan pentadbiran
- B. Mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
- C. Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
- D. Mendapatkan sokongan Raja-raja Melayu

19. Siapakah Residen Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896-1900? (m/s 76)

- A. Frank Swettenham
- B. J.P Roger
- C. Martin Lister
- D. J.G Davidson

20. Pada tahun 1909, British menandatangani perjanjian dengan Raja-raja Melayu bagimenubuhkan \_\_\_\_\_ (m/s 77)

- A. Majlis Mesyuarat Persekutuan
- B. Majlis Mesyuarat Bersekutu
- C. Majlis Mesyuarat Negeri
- D. Durba